

KEPATUHAN MEMBAYAR ZAKAT: ANALISIS KUTIPAN DAN KETIRISAN ZAKAT FITRAH DI SELANGOR

Compliance of Zakah Payment: Analysis of Zakat Fitrah Collection and Leakage in Selangor

**Mohd Yahya Mohd Hussin¹
Fidlizan Muhammad²
Mohamad Ali Roshidi Ahmad³**

ABSTRACT

This study aims to identify and analyse the number of collections of zakah fitrah in Selangor through the formal payment channel. By using the data on the amount of zakah fitrah collection, the number of Muslims and zakah fitrah collection rate in Selangor from 1995 to 2011, the research findings show that the amount of collection

¹ Senior Lecturer, Department of Economics, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak, yahya@fpe.upsi.edu.my.

² Senior Lecturer, Department of Economics, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak, fidlizan@fpe.upsi.edu.my.

³ Senior Lecturer, Department of Finance and Accountings, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak, roshidi@fpe.upsi.edu.my.

is increasing from year to year except for 1998. However, the number of payers who do not use the formal channel is also high. In addition, the amount of zakah fitrah leakage without going through formal institutions also demonstrates a large increase from RM1.8 million in 1995 to RM5.2 million in 2011. This result shows that the zakah institution is in need of continuous improvement involving the administration, management, and collection and distribution system.

Keywords: *zakah fitrah, leakage, zakah collection, Selangor*

PENDAHULUAN

Allah telah mensyariatkan dan mewajibkan umat Islam untuk mengeluarkan sebahagian harta mereka iaitu zakat, bertujuan untuk membersihkan diri dan menyuburkan harta pembayar zakat berdasarkan firman Allah yang bermaksud;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)”

(Surah at-Taubah 9:103)

Selain itu juga, zakat dapat mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah. Dalam kalangan orang berada khususnya, zakat mampu mengelakkan golongan ini daripada sifat kedekut, bakhil serta tamak. Segala bentuk kekayaan yang dikurniakan Allah di muka bumi tidak boleh dinikmati hanya oleh satu golongan tertentu iaitu golongan berada sahaja, sebaliknya kekayaan itu perlu beredar dalam kalangan semua ahli masyarakat.⁴ Zakat adalah sumber pendapatan kerajaan yang berbeza daripada sumber pendapatan yang lain kerana tanggungjawab membayar zakat merupakan sebahagian daripada ibadah dalam kehidupan umat Islam. Zakat terdapat dalam pelbagai bentuk, antaranya zakat fitrah, zakat pertanian, zakat pendapatan, zakat wang simpanan dan zakat dalam harta yang lain. Zakat merupakan

⁴ Patmawati Ibrahim, ‘Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal’, *Jurnal Syariah*, 16/2 (2008): 223-244.

salah satu daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh orang Islam yang berkemampuan berdasarkan firman Allah yang bermaksud;

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا
لَكُمْ مِنَ الْاَرْضِ

"Wahai orang-orang yang beriman, keluarkan zakat sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu"

(Surah al-Baqarah 2:267)

Kewajipan menunaikan zakat telah dilaksanakan dengan tegas di awal pemerintahan *Khulafā' al-Rāsyidīn* lagi. Buktinya, Khalifah Abū Bakar al-Siddiq telah membuat keputusan untuk memerangi golongan yang enggan membayar zakat pada zaman itu. Zakat bukan sahaja disyariatkan untuk membantu golongan kurang berkemampuan tetapi sangat penting untuk pembangunan ummah. Sistem zakat pada amnya mempunyai banyak persamaan dengan sistem cukai pendapatan. Kedua-dua sistem ini melibatkan pungutan wang oleh wakil-wakil kutipan yang dilantik oleh pihak berkuasa daripada individu atau syarikat tertentu untuk kegunaan tertentu. Tetapi dari segi falsafah dan konsepnya, sistem zakat dan cukai pendapatan adalah berbeza.⁵

Pungutan wang zakat bertujuan untuk diagihkan kepada lapan (8) golongan asnaf seperti yang telah dinyatakan di dalam al-Quran,⁶ iaitu *fakīr*, *miskīn*, *'āmil*, muallaf, *riqāb*, *ghārimin*, *fisabilillah* dan *ibnu al-sabīl*. Manakala kutipan wang cukai digunakan oleh pemerintah untuk membiayai pelbagai projek dan pentadbiran kerajaan. Undang-undang yang diguna pakai dalam sistem cukai pendapatan ialah undang-undang khusus iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967 dan serta undang-undang tambahan lain yang telah dibahaskan dan diluluskan oleh Parlimen. Sistem zakat pula dinaungi di bawah enakmen negeri masing-masing di bawah pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri.⁷

⁵ Kamil Md. Idris, 'Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji', *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006), 341-345.

⁶ Surah al-Taubah, 9:60.

⁷ Hasnan Kasan, 'Penguinstitusian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia', *Sari*, 24 (2006): 173-189.

Selain itu, masyarakat Islam perlu mempelajari tentang hukum hakam mengenai zakat supaya mereka tidak tergolong dalam golongan murtad.⁸ Mereka perlu tahu bahawa zakat bukan perkara yang boleh dipandang remeh kerana ianya melibatkan tentang keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Ianya seiring dengan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang menyatakan bahawa mereka yang membayar dan mengagihkan zakat tanpa melalui institusi zakat yang dilantik adalah sah tetapi berdosa kerana tidak mengikut arahan pemerintah⁹. Rentetan itu, adalah penting untuk kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti kepatuhan pembayaran zakat fitrah di kalangan masyarakat Islam di Selangor berikutan hukum membayar zakat tanpa melalui institusi formal adalah berdosa. Di samping itu, kajian ini juga dapat mengenalpasti jumlah ketirisan pembayaran zakat fitrah. Oleh itu, pemantauan yang berterusan dan gerak kerja yang cekap perlu ditekankan pada masa kini supaya masyarakat Islam sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim yang wajib menunaikan ibadah zakat.

ZAKAT FITRAH

Zakat fitrah adalah pembayaran yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim lelaki dan perempuan, yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.¹⁰ Zakat fitrah juga dirujuk sebagai zakat yang diwajibkan dengan sebab *futur* iaitu terbuka atau tamat puasa pada bulan Ramadhan.¹¹ Apabila pembayaran dilakukan setelah melakukan solat Aidilfitri, tidak lagi dinamakan *zakatul fitrah*.¹² Kewajipan membayar zakat fitrah ini dapat menyucikan amalan individu pada bulan Ramadhan dan seterusnya mencapai kejayaan di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

⁸ Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd. Nor, '*Zakat Membangun Ummah*' (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), 11 dan 33.

⁹ JAKIM, 'Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada Zakat', 17 Januari 2007, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian-dan-qada>, 24 Februari 2013.

¹⁰ Al-Bukhari, *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I,II,III,IV*, Jilid II (terj. Zainuddin Hamidy et al.; Singapore: Darel Fajr Publishing House, 2002), 141, No. hadis 781.

¹¹ Zamzuri Zakariya, 'Zakat Galian: Sumber yang Diitifaq dan Diikhtilaf', dalam *Zakat: Pensyariaan, Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006), 67-68.

¹² Al-Qarḍāwī, Yūsuf, *Hukum Zakat* (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin, Hassanuddin; Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1988), 921.

وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾ لِلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

“Dan pada harta mereka ada bahagian tertentu untuk orang miskin yang meminta dan juga yang tidak meminta”

(Surah al-Ma’ārij 70: 24-25)

Walaupun zakat fitrah merupakan salah satu zakat yang wajib dibayar, namun zakat fitrah berbeza dengan zakat harta benda. Zakat fitrah adalah zakat yang berfungsi mengembalikan seseorang muslim kepada fitrahnya, dengan menyucikan jiwa mereka daripada dosa-dosa yang disebabkan oleh pengaruh pergaulan dan sebagainya sehingga manusia itu menyimpang dari fitrahnya.¹³ Ianya diwajibkan kepada seluruh umat Islam sama ada kanak-kanak atau dewasa.

Kadar zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan ketentuan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan dengan 2.70 kilogram atau senilai dengannya. Menurut al-Sayuṭī,¹⁴ asas atau syarat utama kewajipan zakat fitrah adalah memiliki lebih makanan pada malam dan pagi 1 Syawal atau Hari Raya.

Konsep lebih makanan ini telah dibahas lanjut dalam pelbagai mazhab.¹⁵ Ulama Hanafiyyah menjelaskan bahawa wajib membayar zakat fitrah bagi individu yang memiliki lebih makanan untuk diri dan keluarga pada malam dan pagi hari raya Idul Fitri. Manakala, ulama Malikiyyah berpendapat wajib membayar zakat fitrah melalui hutang seandainya individu menyakini hutang tersebut mampu dilangsaikan.¹⁶ Dengan itu, zakat fitrah diwajibkan bukan sahaja terhadap dirinya, bahkan meliputi individu yang wajib nafkah ke atasnya disebabkan hubungan kerabat, hubungan pernikahan atau kepemilikan.¹⁷

¹³ Al-Zuhaylī, Wahbah, *Fiqh Islam wa Adillatuhu* (terj. Abdul Hayyie al-Kattani, dkk; Jakarta: Darul Fikir, 2011), iii. 346.

¹⁴ Al-Sayuṭī, ‘*Sunan al-Nasā’i al-Musamma bi al-Mujtabi bi Syarh al-Ḥāfiz Jalal al-Dīn al-Sayūti*’ (Beirut: Dār al-Fikr, 2005), iii. no hadis. 2431-2765.

¹⁵ Al-Zuhaylī, *Fiqh Islam wa Adillatuhu*, 348.

¹⁶ Al-Zuhaylī, *Fiqh Islam wa Adillatuhu*, 347-348.

¹⁷ Al-Zuhaylī, *Fiqh Islam wa Adillatuhu*, 348.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik kepatuhan membayar zakat fitrah dalam kalangan umat Islam di negeri Selangor dengan menggunakan data jumlah kutipan zakat fitrah di Selangor mulai tahun 1995 hingga tahun 2011. Ianya seiring dengan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan yang menyatakan bahawa mereka yang mengagih zakat sendiri adalah berdosa kerana tidak mengikut arahan pemerintah.¹⁸ Menerusi analisis ini, jumlah bilangan individu yang menunaikan zakat fitrah melalui institusi formal dan sebaliknya dapat dikenal pasti. Justeru, statistik pembayar zakat tanpa melalui institusi formal ataupun ada kemungkinan yang tidak membayar zakat fitrah dapat dijadikan sebagai satu tanda aras supaya pihak institusi zakat akan lebih peka tentang masalah ini dan membuat penambahbaikan dalam kerangka institusi zakat di Selangor.

KAJIAN LITERATUR

Zakat merupakan rukun Islam yang keempat dan merupakan sebahagian dari ibadah dalam kehidupan umat Islam. Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan kesedaran, kutipan dan pengagihan zakat di Malaysia, antaranya kajian yang dilakukan oleh Md Zyadi dan Mariani¹⁹ serta Nor Ghani, Mariani, Jaafar dan Nahid Ismail²⁰ yang membincangkan kesan penswastan ke atas peningkatan kutipan zakat. Walaupun penswastan memberikan kesan positif kepada hasil kutipan, namun perubahan sikap dan

¹⁸ JAKIM, 'Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada Zakat'. Lihat juga dalam Aidit Ghazali, 'Fenomena Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi -Satu Analisis Empirik', *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran* (ed. Ali Baharom; Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1989), 1-27; Abdul Majid Omar, 'Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat', Seminar Peningkatan Profesionalisme Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat, Hotel Concorde Inn, KLIA Sepang, 22 Ogos 2007.

¹⁹ Md Zyadi Tahir dan Mariani Majid, 'Prestasi Kutipan Dan Agihan Zakat di Malaysia', Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1999, 293- 306.

²⁰ Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail, 'Can Privatization Improve Performance? Evidence from Zakat Collection Institutions', Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

kesedaran individu muslim untuk melaksanakan tanggungjawab ini adalah lebih signifikan.

Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian Sanep dan Hairunnizam²¹ mengenai kesediaan membayar zakat bagi empat kategori harta diikhtilaf iaitu pendapatan, pertanian, ternakan dan galian. Secara purata, 52.9% dari 2,500 responden bersetuju pengenaan zakat terhadap harta ini. Namun, dari segi kesediaan membayar zakat ke atas pendapatan perundangan dan honorarium pula, didapati hanya 23 -26% responden sahaja yang bersedia melakukannya. Dari sudut zakat ternakan haiwan seperti lembu, kambing dan sebagainya, kesediaan membayar pula secara puratanya adalah 42% sahaja.

Selain dari kesedaran individu, faktor yang turut menyokong pembayaran zakat ialah keberkesanan pengurusan zakat. Kajian Sanep, Hairunnizam dan Adnan²² mendapati, 10.5% pembayar zakat menunaikan tanggungjawab ini secara terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat. Ini kerana, kebanyakannya tidak berpuas hati terhadap bentuk agihan yang telah dilaksanakan oleh institusi pengurusan zakat. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa, persepsi ini telah mempengaruhi jumlah kutipan secara signifikan. Ini menyebabkan pengagihan zakat secara lebih tersusun menjadi cabaran kepada institusi-institusi zakat di Malaysia. Hairunnizam, Sanep dan Radiah²³ turut membuktikan sebanyak 47.6 peratus responden (332 orang) yang tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat turut tidak akan membayar zakat melalui institusi zakat. Ini menunjukkan hampir majoriti responden tidak membayar zakat yang berkemungkinan kerana mereka tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat oleh institusi zakat. Dapatan yang sama juga ditunjukkan dalam kajian Kamil, Derashid dan Engku Ismail²⁴ berkaitan zakat penggajian. Sikap kepatuhan untuk membayar melalui saluran formal adalah penting bagi membolehkan pengurusan dan pengagihan zakat

²¹ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 'Sumber Zakat: Perluasan terhadap Harta yang Diikhtilaf', *Jurnal Syariah*, 13/1 (2005): 135-16.

²² Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad, 'Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia', *International Journal of Management Studies*, 13/2 (2006): 175-196.

²³ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Andul Kader, 'Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?', *Jurnal Syariah*, 17/1 (2009):89-112.

²⁴ Kamil Md Idris, Chek Derashid dan Engku Ismail, 'Zakat Penggajian: Suatu Tinjauan terhadap Pengetahuan dan Amalan Muslimin Negeri Perlis', Kertas kerja Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, 1997, <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/kesedaran%20membayar%20zakat%20pendapatan.pdf>, 10 November 2010.

lebih efisien. Dalam situasi ini, akta dan undang-undang yang menyokong khusus berkaitan pembayaran zakat adalah penting bagi meningkatkan kesedaran membayar sebagaimana patuhnya pembayar dengan wujudnya Akta Cukai Pendapatan 1967.²⁵

Dalam kajian Kamil²⁶ berkaitan kepentingan undang-undang dalam pelaksanaan zakat, kebanyakan reponden berpandangan undang-undang zakat di Malaysia berada pada tahap lemah. Dengan menggunakan teori pembelajaran sosial (*social learning theory*), manusia akan melaksanakan tanggungjawab jika merasakan dirinya terancam. Walaupun kajian yang dilaksana tidak dapat menunjukkan hubung kait yang signifikan antara pembayaran dan undang-undang, beliau berpandangan bahawa undang-undang yang positif akan meningkatkan jumlah bayaran. Oleh sebab itu, penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan tiada anggota masyarakat yang terlepas dari melaksanakan tanggungjawab ini.

Siti Mashitoh²⁷ menghuraikan dengan lanjut konsep sistem perundangan zakat di Malaysia. Faktor yang menyebabkan undang-undang zakat di Malaysia tampak lemah adalah disebabkan sistem perundangan yang begitu terhad. Keadaan ini telah memberi ruang kepada fenomena kegagalan membayar zakat dan tentangan terhadap perundangan zakat sedia ada. Oleh itu, Ram, Zainol, Kamil dan Md. Hairi²⁸ mencadangkan agar institusi zakat perlu membina penerimaan positif masyarakat dengan meningkatkan ketelusan dan pendedahan secara menyeluruh mengenai segala urusan berkaitan zakat yang sedang atau telah atau akan dilaksanakan. Ini seterusnya mampu mengurangkan rasa bimbang dan was-was terhadap institusi zakat

²⁵ Kementerian Kewangan Malaysia, '*Bajet 2007*' (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 2006), Lampiran 4, iii.

²⁶ Kamil Md. Idris, 'Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji', 344-346.

²⁷ Siti Mashitoh Mahamood, 'Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan', *Persidangan Zakat & Cukai Kebangsaan 2007* (Kuala Lumpur: PWTC, 22 Mei 2007), 3-7.

²⁸ Ram al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris dan Md Hairi Md Hussain, 'Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan', *Jurnal Pengurusan* 30 (2010): 49-61. Lihat juga dalam, Ram al Jaffri Saad, Kamil Md. Idris dan Zainol Bidin, 'Peraturan Pembayaran Zakat kepada Isstitusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat perniagaan', *Jurnal Syariah* 17/3(2009):607-630.

Dalam kajian Ahmad Hidayat²⁹ berkaitan dilema perundangan ini, ia mendapati statistik gagal membayar zakat fitrah di Perak telah menunjukkan peningkatan bagi tahun 1953 dan 1954 iaitu dari 69,000 orang kepada 84,000 orang. Abdul Rahim³⁰ juga mendapati hanya 10 peratus daripada 5000 ribu peniaga yang layak membayar zakat menunaikan tanggungjawab mereka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di samping itu, Mohd Helmi³¹ (2002) turut mendedahkan hampir 80 peratus syarikat Islam tidak membayar zakat.

Berdasarkan kajian lepas ini, jelas menunjukkan bahawa ketirisan wujud dalam pembayaran zakat atas pelbagai faktor. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis sejauhmana ketirisan ini wujud pada masa kini menggunakan data zakat fitrah. Melalui hasil ini, jumlah ketirisan yang diperolehi dapat dijadikan rujukan dalam menambah baik institusi zakat di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Analisis kajian ini menggunakan data kadar zakat fitrah dan jumlah kutipan di negeri Selangor sebagaimana yang dilaporkan oleh Lembaga Zakat Selangor. Tempoh kajian adalah dari tahun 1995 hingga tahun 2011. Pengukuran yang menggunakan data zakat fitrah ini dipilih adalah disebabkan beberapa faktor iaitu; i) zakat fitrah merupakan zakat badan yang diwajibkan sempena berakhirnya bulan Ramadhan mengikut syarat-syarat yang ditentukan, ii) kadar nisab zakat fitrah adalah sama di setiap negeri iaitu satu gantang Baghdad makanan asasi, iii) syarat-syarat kelayakan membayar zakat fitrah yang minimum, dan iv) populasi masyarakat Islam di negeri Selangor adalah sebanyak 57.9% daripada jumlah penduduk.³²

Bagi memperoleh bilangan pembayar zakat fitrah di negeri Selangor, persamaan berikut digunakan:

²⁹ Ahmad Hidayat Buang, 'Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Intensif Membayar Zakat', *Zakat: Pensiaryatan, Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006), 330.

³⁰ Abdul Rahim Abdul Rahman, 'Menangani Cabaran Semasa: Institusi Zakat di Malaysia: Satu Analisis', *IKIM Jurnal* 12/1(2004): 103-115.

³¹ Mohd Helmi Foad, 'Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat', *Utusan Malaysia*, 4 Mei 2002.

³² Jabatan Perangkaan Malaysia, 'Selangor Sepintas Lalu', http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=533&Itemid=111&lang=bn&negeri=Selangor, 10 Disember 2011.

$$X_t = \frac{JKF_{K_t}}{KF} \quad (1)$$

- X = Bilangan Patuh Membayar Zakat Fitrah
- JKF_{K_t} = Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Keseluruhan
- KF = Harga Zakat Fitrah
- t = tahun

Dengan menggunakan anggaran tetap bahawa penduduk Islam di Selangor adalah sebanyak 57.9% sepanjang tempoh kajian, maka bilangan individu beragama Islam yang dianggap dalam kategori “ketirisan” dapat dihitung berpandukan rumus berikut:

$$Z_t = (0.579 * P_{K_t}) - X_t \quad (2)$$

Z ialah bilangan individu yang tidak menyalurkan bayaran zakat fitrah kepada institusi formal, manakala P_{K_t} ialah populasi keseluruhan penduduk di negeri Selangor pada tahun t . Hasil $(0.579 * P_{K_t})$ dalam persamaan (2) juga dapat diringkaskan sebagai P_{It} iaitu bilangan penduduk Islam pada sesuatu tahun.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dengan menggunakan rumus dalam persamaan 1 dan 2, maka analisis keseluruhan dari tahun 1995 hingga 2011 dapat diperolehi seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Analisis Kutipan Zakat Fitrah di Selangor

TAHUN	JKF (RM Juta)	KF (RM)	X (juta orang)	P ₁ (juta orang)	Z (juta orang)	Y (juta orang)
1995	3.14	2.70	1.16	1.86	0.70	0.35
1996	3.65	3.20	1.14	1.92	0.78	0.39
1997	4.99	3.40	1.47	2.05	0.58	0.29
1998	4.34	3.40	1.28	2.16	0.88	0.44
1999	4.53	3.70	1.22	2.22	1.00	0.50
2000*	5.70	3.70	1.54	2.28	0.74	0.37
2001	6.27	4.20	1.49	2.41	0.92	0.46
2002	7.97	4.50	1.77	2.51	0.74	0.37

2003	8.28	4.50	1.84	2.60	0.76	0.38
2004	9.09	4.70	1.93	2.61	0.68	0.34
2005	9.34	4.70	1.99	2.71	0.72	0.36
2006	9.89	4.70	2.10	2.82	0.72	0.36
2007	11.50	5.20	2.21	2.89	0.68	0.34
2008	12.30	5.20	2.36	2.98	0.62	0.31
2009	16.60	7.00	2.37	3.05	0.68	0.34
2010	17.30	7.00	2.47	3.15	0.68	0.34
2011	17.90	7.00	2.56	3.30	0.74	0.37

*Secara keseluruhannya, jumlah kutipan zakat fitrah pada tahun 2000 ialah sebanyak RM11.4 juta. Hal ini disebabkan oleh, pada tahun tersebut terdapat dua kali Ramadhan iaitu: 9 Dis.1999 – 7 Jan. 2000 dan 27 Nov. 2000 – 26 Dis. 2000. Berdasarkan jumlah kutipan tersebut, dianggarkan bahawa kutipan pada setiap tempoh adalah sebanyak RM5.70 juta.

Berdasarkan Jadual 1, beberapa dapatan kajian penting diperolehi iaitu bilangan populasi masyarakat Islam (P_1) di Selangor menunjukkan peningkatan iaitu dari 1.86 juta orang pada tahun 1995 kepada 3.30 juta orang pada tahun 2011. Pertumbuhan populasi masyarakat Islam ini secara puratanya adalah sebanyak 4.5 peratus setahun. Di samping itu, kadar bayaran zakat fitrah (KF) juga menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi jumlah kutipan zakat (JKF) yang menunjukkan aliran meningkat dari RM3.14 juta pada tahun 1995 kepada RM17.9 juta pada tahun 2011. Bilangan pembayar zakat fitrah melalui institusi formal di Selangor juga menunjukkan peningkatan iaitu seramai 1.16 juta orang pada tahun 1995 kepada 2.56 juta orang pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 120 peratus untuk tempoh 17 tahun.

Walaupun secara puratanya wujud aliran meningkat dalam jumlah kutipan dan bilangan pembayar zakat, namun perbandingan berdasarkan kepada bilangan pembayar zakat (X) dan populasi masyarakat Islam (P_1), jelas menunjukkan jumlah ketirisan (Z) yang secara umumnya tinggi pada setiap tahun. Berdasarkan jumlah Z , jika diandaikan bahawa 50 peratus³³

³³ Asas kepada andaian ialah berdasarkan kajian Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor dan Sanep Ahmad (2005) yang mendapati hanya 47 peratus responden yang membayar zakat manakala 53 peratus tidak membayar zakat. Lihat Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Sanep Ahmad, 'Kesedaran Membayar Zakat:

daripadanya merupakan golongan yang membayar zakat terus kepada asnaf tanpa melalui institusi formal, maka keseluruhannya jumlah golongan yang tidak melaksanakan kewajipan membayar zakat sama ada melalui institusi formal atau sebaliknya (Y) adalah stabil dalam jumlah yang besar iaitu di antara 0.29 juta orang hingga 0.50 juta orang dalam tempoh yang dikaji.

Oleh yang demikian, masalah kegagalan dalam membayar zakat fitrah atau ketirisan ini tidak seharusnya berlaku, dan perlu dipandang serius oleh masyarakat kerana ia tidak dinilai berdasarkan kepada tahap kekayaan. Ini kerana antara syarat asas yang perlu dipenuhi bagi pembayar zakat adalah terlalu minimum iaitu memiliki lebih makanan pada malam dan pagi Hari Raya Aidilfitri.

Berdasarkan andaian bahawa semua masyarakat Islam yang tidak membayar zakat (Z) adalah layak untuk mengeluarkan zakat fitrah, maka kutipan sebenar zakat fitrah dan jumlah ketirisan yang tidak disalurkan melalui institusi zakat formal dapat ditafsirkan melalui jadual 2.

Jadual 2: Jumlah Ketirisan Zakat Fitrah

TAHUN	SASARAN KUTIPAN (RM Juta)	JUMLAH KETIRISAN (RM Juta)	JUMLAH KETIRISAN (Peratus)
1995	5.022	1.882	37.48
1996	6.144	2.494	40.59
1997	6.970	1.980	28.40
1998	7.344	3.004	40.90
1999	8.214	3.684	44.85
2000	8.436	2.736	32.43
2001	10.122	3.852	38.06
2002	11.295	3.325	29.43
2003	11.700	3.420	29.23

Apakah Faktor Penentunya', *International Journal of Management Studies*, 12/2 (2005): 171-189. Lihat juga dalam kajian Sanep dan Hairunnizam (2005) yang mendapati trend pembayaran zakat kepada institusi formal dan tidak formal di Selangaor adalah seimbang. Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 'Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran zakat melalui Institusi Formal', *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39 (2005): 53-69.

2004	12.267	3.177	25.90
2005	12.737	3.397	26.67
2006	13.254	3.364	25.38
2007	15.028	3.528	23.48
2008	15.496	3.196	20.62
2009	21.350	4.750	22.25
2010	22.050	4.750	21.54
2011	23.100	5.200	22.51

Jadual 2 menunjukkan bahawa, secara umumnya jumlah zakat fitrah yang tidak dibayar kepada institusi zakat formal di Selangor adalah begitu besar iaitu RM1.8 juta pada tahun 1995 meningkat kepada RM5.2 juta pada tahun 2011. Namun begitu, dilihat dari sudut peratusan jumlah ketirisan terhadap jumlah sasaran kutipan, ianya berada di sekitar 20.6 peratus hingga 44.85 peratus. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya, pembayaran zakat fitrah dilakukan secara terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat formal. Maka di sini jelas bahawa fatwa kebangsaan yang menjelaskan bahawa mereka yang mengagih zakat sendiri adalah berdosa kerana tidak mengikut arahan pemerintah tidak diendahkan. Sewajarnya pihak yang bertanggungjawab perlu menyebarkan luaskan fatwa-fatwa berkaitan dengan zakat kepada segenap lapisan masyarakat agar ianya dapat diketahui dan diaplikasikan oleh masyarakat yang beragama Islam. Di samping itu, situasi seumpama ini mungkin wujud kerana masih terdapat segelintir masyarakat yang kurang prihatin berkenaan kewajipan menunaikan zakat fitrah. Mereka perlu sedar bahawa zakat fitrah yang dikeluarkan akan dapat membantu golongan-golongan tertentu, serta mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Setelah meneliti dan membuat kajian kutipan zakat fitrah di Selangor, didapati bilangan pembayar zakat yang menggunakan institusi formal mengalami peningkatan walaupun pada tahun 1996, 1998, 1999 dan 2001 menunjukkan penurunan dan kemudian meningkat semula pada tahun-tahun seterusnya. Pertambahan jumlah kutipan zakat ini adalah berkadar dengan pertambahan populasi penduduk Islam di Selangor dari tahun ke tahun serta peningkatan kadar bayaran zakat fitrah. Di samping itu, hasil kajian turut mendapati nilai ketirisan kutipan zakat fitrah yang tidak disalurkan melalui institusi formal

juga adalah besar iaitu sekitar RM1.8 juta hingga RM5.2 juta (20.6 peratus hingga 44.85 peratus). Bagi mengatasi keadaan ini, antara cadangan yang boleh diambil untuk memantapkan institusi zakat adalah dengan membuat majlis penerangan mengenai zakat untuk mentarbiahkan umat Islam terutama golongan muda.³⁴ Pihak yang bertanggungjawab harus memberi gambaran yang terperinci supaya pemahaman umat Islam berkaitan zakat dapat ditingkatkan. Dalam isu pembayaran kepada institusi tidak formal, pendedahan berkaitan hukum yang difatwakan perlu disebar luaskan. Dalam masa yang sama, sistem pengurusan harus lebih sistematik supaya pembayar zakat boleh membayar zakat dengan lebih mudah dan golongan yang layak menerima akan mendapat haknya sebagai penerima zakat dengan lebih adil. Rentetan itu, kajian lanjutan yang berkaitan dengan literasi dan kefahaman hukum membayar zakat perlu dilakukan agar segala permasalahan asas berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat dapat ditangani.

RUJUKAN

- Abdul Majid Omar, 'Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat', Seminar Peningkatan Profesionalisme Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat, Hotel Concorde Inn, KLIA Sepang, 22 Ogos 2007).
- Abdul Rahim Abdul Rahman, 'Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat di Malaysia: Satu Analisis', *IKIM Jurnal* 12/1(2004): 103-115.
- Ahmad Hidayat Buang, 'Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Intensif Membayar Zakat', *Zakat: Pensyariaan, Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006).
- Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab, 'Pengurusan Zakat di Selangor: Isu dan Cabaran' *Prosiding Konvensyen Kebangsaan & Pengurusan Harta dalam Islam* (Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Bangi: UKM, 2010): 1-33.
- Aidit Ghazali, 'Fenomena Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi - Satu Analisis Empirik', *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran* (ed. Mohd Ali Baharom; Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1989).

³⁴ Ahmad Shahir bin Makhtar dan Adibah bt. Abdul Wahab, 'Pengurusan Zakat di Selangor: Isu dan Cabaran', *Prosiding Konvensyen Kebangsaan & Pengurusan Harta dalam Islam* (Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2010), 1-33.

- Al-Qarḍawī, Yūsuf, '*Hukum Zakat*' (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin, Hassanuddin; Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1988).
- Al-Sayūfī, '*Sunan al-Nasā'i al-Musamma bi al-Mujtabi bi Syarḥ al-Ḥāfız Jalal al-Dīn al-Sayūfī*' (Beirūt: Dār a-Fikr, 2005), iii, no. hadis. 2431-2765.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Sanep Ahmad, 'Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya', *International Journal of Management Studies*, 12/2 (2005): 171-189.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, 'Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?', *Jurnal Syariah* 17/1 (2009): 89-112.
- Hasnan Kasan, 'Penginstitusian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia', *Sari*, 24 (2006): 173-189.
- Imam al-Bukhari, '*Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I,II,III,IV*' (terj. Zainuddin Hamidy *et al.*; Singapore: Darel Fajr Publishing House, 2002), ii, no. hadis 781.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 'Selangor Sepintas Lalu' 10 Disember 2011, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=533&Itemid=111&lang=bm&negeri=Selangor.
- JAKIM, 'Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada Zakat', 17 Januari 2007, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian-dan-qada>, 24 Februari 2013.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid & Engku Ismail, 'Zakat Penggajian: Suatu Tinjauan terhadap Pengetahuan dan Amalan Muslimin Negeri Perlis', Kertas kerja Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, 1997), <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/kesedaran%20membayar%20zakat%20pendapatan.pdf>, 10 November 2010.
- Kamil Md. Idris, 'Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji', *Zakat: Pencyariatan, Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006).
- Kementerian Kewangan Malaysia, '*Bajet 2007*' (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 2006).
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid, 'Prestasi Kutipan Dan Agihan Zakat di Malaysia', Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999).

- Mohd Helmi Foad, 'Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat', *Utusan Malaysia*, 4 Mei 2002.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & NahidIsmail , 'Can Privatization Improve Performance? Evidence from Zakat Collection Institutions', Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Patmawati Ibrahim, 'Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal', *Jurnal Syariah*, 16/2 (2008): 223-244.
- Ram al-Jaffri Saad, Kamil Md. Idris & Zainol Bidin, 'Peraturan Pembayaran Zakat kepada Isstitusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan', *Jurnal Syariah* 17/3 (2009): 607-630.
- Ram al-Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris dan Md Hairi Md Hussain, 'Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan', *Jurnal Pengurusan* 30 (2010): 49-61.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 'Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal', *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39 (2005): 53-69.
- Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, 'Sumber Zakat: Perluasan terhadap Harta yang Diikhtilaf', *Jurnal Syariah*, 13/1 (2005): 135-162.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad, 'Penswastaaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia', *International Journal of Management Studies* 13/2 (2006): 175- 196.
- Shofian Ahmad & Amir Husin Mohd. Nor, '*Zakat Membangun Ummah*' (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002).
- Siti Mashitoh Mahamood, 'Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan', Persidangan Zakat & Cukai Kebangsaan 2007, Kuala Lumpur: PWTC, 22 Mei 2007, 3-7.
- Wahbah al-Zuhaylī, '*Fiqih Islam wa Adillatuhu*' (terj. Abdul Hayyie al-Kattani, dkk; Jakarta: Darul Fikir, 2011), iii.
- Zamzuri Zakariya, 'Zakat Galian: Sumber yang Diitifaq dan Diikhtilaf', *Zakat: Pencyariatan, Perekonomian dan Perundangan* (ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir; Bangi: Penerbit UKM, 2006).